

05 JUL 1998

12,000 DI JANGKA SERTAI PERARAKAN MAULIDUR RASUL

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Seramai 12,000 orang dijangka menyertai perarakan sambutan Maulidur Rasul di sini esok.

Sambutan tahun ini yang bertemakan "Kesejahteraan Negara Tanggungjawab Kita" akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Islam.

Perarakan yang akan dimulakan dari Dataran Merdeka akan dimulakan pada pukul 7.30 pagi hingga 12 tengah hari.

Turut mengambil bahagian dalam perarakan ialah kakitangan jabatan kerajaan, kakitangan badan berkanun dan swasta, anggota pertubuhan, persatuan dan masjid, kumpulan dari universiti, maktab dan pusat pengajian tinggi serta sekolah-sekolah.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman pada persidangan berita mengenai persediaan sambutan Maulidur Rasul Khamis lepas, selain perarakan, pelbagai program lain telah diatur sempena sambutan pada tahun ini.

Antaranya ialah Bacaan Al-Quran oleh Johan Qari Kebangsaan peringkat Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan, persembahan nasyid, Anugerah Maulidur Rasul serta hadiah pasukan perarakan terbaik.

Pelbagai program menarik turut disediakan untuk orang awam iaitu persembahan daripada kumpulan nasyid Raihan serta ceramah khas oleh Lef. Kol. Jamil Khir.

-- BERNAMA

WNZ WAT